

# IMT-GT disarankan lebih kerap bertemu

Daripada Shamsul Azree Samshir

MAJLIS Perniagaan Segitiga Pembangunan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-CT) disarankan mengadakan lebih banyak pertemuan supaya peserta mendapat cetusan idea baru serta peluang pelaburan di rantau ini.

Timhala Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Abdul Rahman Maidin, berkata majlis itu perlu bergerak seperti rangkaian di mana peserta bebas bertemu serta berpakat melaksanakan pelbagai kegiatan demi kepentingan IMT-CT.

"IMT-GT akan menjadi lebih berkesan jika peserta bertemu lebih kerap. Tidak perlu tunggu sehingga mesyuarat sebesar ini diadakan baru ahli boleh berjumpa.

"Sehubungan itu, pertemuan mengikut sektor secara khusus perlu diadakan

membabitkan setiap ahli yang kemudiannya boleh mendapat cetusan idea dan peluang pelaburan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat peringkat majlis perniagaan IMT-GT serta mengumumkan rumusan mesyuarat itu di Hat Yai, semalam.

Abdul Rahman yang juga Presiden Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), berkata beliau berpuas hati dengan pelaksanaan semua bengkel di mana setiap cadangan dan projek mendapat komitmen tinggi dari peserta.

Menurutnya, semua isu dan inisiatif yang dikemukakan oleh peserta sepanjang mesyuarat peringkat majlis perniagaan membuktikan kesepakatan IMT-GT masih diperlukan dalam meneruskan agenda pembangunan rantau ini.

"Ia juga membuktikan usahawan ma-

sih bergiat cergas dalam IMT-GT dan berminat untuk melaksanakan projek di kawasan gugusan walaupun menyedari rantau ini menghadapi masalah kegawatan ekonomi sejak dua tahun lalu," katanya.

Abdul Rahman berkata, mesyuarat mencapai resolusi mengenai beberapa isu seperti mempercepatkan kelulusan projek serta mewujudkan prasarana yang lebih pro-peniagaan bagi dikemukakan dalam mesyuarat peringkat SOM.

"Selain itu, beberapa isu lama seperti perlindungan insurans serta keseragaman pelepasan Jabatan Kastam juga perlu diselesaikan," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, beliau akan memberi penjelasan dalam mesyuarat peringkat pegawai (SOM) IMT-GT esok berhubung status projek

yang dimeterai oleh peserta gugusan itu sejak 1993.

"Sebenarnya, 50 peratus daripada 73 perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani sudahpun bermula malah sebahagian besar daripada projek terbabit kini pada peringkat pelaksanaan.

"Ia bukan lagi pada peringkat konsep, sebaliknya sudah mula dilaksanakan seperti pembangunan fizikal, pelan, tanah dan sebagainya," katanya.

Dalam sesi pagi semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Thailand, Dr Savit Bhotiwihok dalam ucapannya menasihatkan syarikat swasta yang sudah menandatangani perjanjian melaksanakan pelbagai kegiatan dalam IMT-GT untuk memperkukuhkan komitmen bagi mengelak berlakunya projek ter-bengkalai.

BH - 1 MAR 2000